

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/09/2007

Dr. Mahathir sudah boleh bercakap

UM-27/9/2007

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) semakin pulih selepas melalui pembedahan membersihkan luka di Institut Jantung Negara (IJN) dan kini mampu bernafas sendiri dan berkata-kata.

Anak sulungnya, Datin Paduka Marina berkata, Dr. Mahathir dibebaskan daripada alat bantuan pernafasan pada pukul 2.30 petang ini.



Marina berkata, kini keluarganya akan menumpukan kepada usaha menggalakkan Dr. Mahathir membina kekuatan bagi membantu proses pemulihan termasuk melakukan yang terbaik semasa sesi fisioterapi.

“Anda yang pernah menjadi pesakit jantung atau mempunyai ahli keluarga yang sedemikian tentu tahu bahawa ini bermakna beliau (Dr. Mahathir) perlu batuk.

“Ini tidak menyeronokkan tetapi perlu dilakukan untuk mengeluarkan apa-apa kahak di dalam jantungnya,” kata Marina melalui catatan terbaru dalam blognya rantingsbymm.blogspot.com yang dipos pada pukul 5.36 petang ini.

Marina juga memberitahu, ibunya Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali akan memberikan Dr. Mahathir hidangan aiskrim malam ini.

Sabtu lalu Dr. Mahathir, 81, menjalani pembedahan tiga jam bagi membuang tisu luka pembedahan yang dijangkiti kuman.

Ia dilakukan 19 hari selepas bekas Perdana Menteri menjalani pembedahan pintasan jantung keduanya pada 4 September lalu yang dilakukan oleh sepasukan perubatan diketuai Tan Sri Dr. Yahya Awang.

Beliau menjalani pembedahan pintasan jantungnya yang pertama di Hospital Kuala Lumpur pada 1989.